

SOALAN NO: 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ

SOALAN:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan kategori penerima bayaran bulanan Perkeso iaitu pencen ilat, faedah hilang upaya kekal, pencen penakat dan faedah orang tanggungan dengan pecahan umur penerima di bawah 60 tahun, 61 hingga 70 tahun dan 71 tahun ke atas.

PR-1352-T00606

JAWAPAN :

Tuan Yang Di pertua:

1. Berdasarkan kepada rekod tuntutan yang dilaporkan kepada PERKESO pada tahun 2016, bilangan penerima faedah keseluruhannya adalah seramai 527,720 orang dengan jumlah keseluruhan bayaran faedah sebanyak RM2,948,637,673.
2. Daripada jumlah tersebut, penerima Pencen Ilat dan Bantuan Ilat ialah seramai 58,436 orang. Jumlah penerima baharu yang berumur 65 tahun dan lebih ialah seramai 23 orang manakala penerima baharu yang berumur di bawah 65 tahun ialah seramai 8,619 orang untuk tahun 2016.
3. Bagi Faedah Hilang Upaya Kekal, jumlah penerima ialah seramai 40,014 orang. Jumlah penerima baharu yang berumur 65 tahun dan lebih ialah seramai 238 orang manakala penerima baharu yang berumur di bawah 65 tahun ialah seramai 18,972 orang dalam tahun 2016.
4. Selain itu bagi Pencen Penakat, jumlah penerima ialah seramai 249,018 orang. Jumlah penerima baharu yang berumur 65 tahun dan lebih ialah seramai 237 orang manakala penerima baharu yang berumur di bawah 65 tahun ialah seramai 13,027 orang untuk tahun 2016.

5. Bagi Faedah Orang Tanggungan pula, jumlah penerima ialah seramai 44,614 orang. Jumlah penerima baharu yang berumur 65 tahun dan lebih ialah seramai 40 orang manakala penerima baharu yang berumur di bawah 65 tahun ialah seramai 1,169 orang dalam tahun 2016.